

KEPELBAGAIAN PENDEKATAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU MATA PELAJARAN AL-LUGHAH AL-'ARABIYYAH AL-MU'ASIRAH

*The Diversity of Teaching Approaches Among Teachers of Al-Lughah Al-Arabiyyah
Al-Mu'asirah Subject at Jeram Secondary Religious School, Selangor*

Nor Hadisah Mohamed Shalikin
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
nrhdsh@gmail.com

To Cite this Article (APA) : Mohamed Shalikin, N. H. (2024). Kepelbagaian pendekatan pengajaran dalam kalangan guru mata pelajaran Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah: The Diversity of Teaching Approaches Among Teachers of Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah Subject at Jeram Secondary Religious School, Selangor. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 5(1), 25–35. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.1.3.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol5.1.3.2024>

Abstrak

Penguasaan bahasa Arab adalah bergantung kepada keberhasilan suatu proses pengajaran berdasarkan pemahaman guru terhadap kurikulum dan pendekatan pengajaran yang diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Hal ini membuka ruang kepada guru-guru untuk mempelbagaikan lagi pendekatan pengajaran dengan menggunakan pendekatan pengajaran moden dan tidak lagi bergantung kepada pendekatan pengajaran tradisional sahaja secara sepenuhnya dalam proses PdPc bahasa. Kajian ini bertujuan untuk meneroka bentuk-bentuk pedagogi yang diaplikasikan guru, jenis-jenis pendekatan pengajaran yang digunakan guru subjek LAM sama ada bersifat tradisional atau moden, dan tahap penggunaan teknologi oleh mereka sepanjang kelas PdPc berlangsung. Seramai sepuluh orang guru mata pelajaran Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah (LAM) terlibat dalam kajian ini sebagai responden. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan proses temubual separa berstruktur sebagai proses pegumpulan data utama. Data yang dikumpul dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil kajian menunjukkan guru bahasa Arab mempraktikkan pendekatan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dengan mengintegrasikan penggunaan teknologi semasa PdPc berlangsung.

Kata kunci: Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah, Bahasa Arab, PAK 21, Pedagogi, Pendekatan Pengajaran, Teknologi

Abstract

Mastery of the Arabic language is dependent on the success of a teaching process based on the teacher's understanding of the curriculum and the teaching approach applied during the teaching and facilitation process (PdPc). It could be open up space for teachers to further diversity teaching approaches by using modern teaching approaches and no longer fully rely on traditional teaching approaches only in the language teaching process. This study aims to explore the forms of pedagogy applied by teachers, the types of teaching approaches used by Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah subject teachers whether traditional or modern, and the level of technology use by them throughout the class. In total of ten Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah (LAM) subject teachers were involved in this study as respondents. This study is a qualitative study that involves a semi-structured interview process as the main data collection process. The data collected was analyzed thematically using Atlas.ti software. The results of the study show that Arabic language teachers practice the 21st century learning approach (PAK21) by integrating the use of technology during PdPc.

Keywords: Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah, Arabic Language, 21st Century Learning, Pedagogy, Teaching Approaches, Technology.

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pedagogi adalah kajian tentang kaedah dan prinsip pengajaran. Setiap proses pengajaran dan pembelajaran dirangkumi oleh elemen utama dalam bidang pendidikan iaitu pedagogi bermula dari bentuk pedagogi kontemporari, teknik, strategi, pendekatan sehinggalah ke jenis pembelajaran. Manakala, pendekatan pengajaran pula adalah kaedah penyusunan proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru berdasarkan kepada penglibatan penyampai dan penerima ilmu. Maka, dapat dilihat bahawa kedua elemen ini mempunyai perkaitan bagi menjayakan sebuah pengajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan terutamanya bagi subjek Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Mu’asirah.

Penerapan pendekatan para guru di dalam mahupun luar negara tidak menunjukkan perbezaan yang terlalu ketara kerana keduanya masih mempraktikkan pendekatan tradisional dan kontemporari dalam proses pengajaran masing-masing. Di luar negara, pendekatan pengajaran tradisional diperlukan bagi pengajaran teori *‘Theoretical Learning’* bergantung kepada sokongan dan latihan amali untuk diaplikasikan. Selain itu, para guru di sana turut menerapkan pendekatan kontemporari yang menggalakkan pihak sekolah untuk memberikan kebebasan kepada guru-guru untuk memilih teknik pengajaran yang bersesuaian dan penyediaan bahan bantu mengajar, (Ghani et al., 2024; Piirimees et al., 2020). Sehubungan dengan itu, Mondal & Roy (2021) menyatakan bahawa pembelajaran kooperatif, pembelajaran sendiri dan pembelajaran terbalik *‘flipped classroom’* merupakan contoh kepada pendekatan pengajaran berpusatkan kepada pelajar. Namun, menurut Emaliana (2017) keduanya haruslah digabungkan untuk disesuaikan dengan kandungan subjek.

Pendekatan pengajaran yang diaplikasikan para guru di Malaysia adalah berpusatkan kepada pelajar, guru dan bahan. Menurut Kamarul & Hafizah (2013), pendekatan pengajaran berpusatkan kepada pelajar akan membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk belajar bersendirian, menetapkan teknik pembelajaran dan guru sebagai pemudahcara *‘facilitator’*. Hal ini turut menyokong kepada pembelajaran bersama rakan sebaya, (Alasraj & Alharbi, 2014). Pembelajaran berpusatkan bahan pula seperti penggunaan *flashcard*, kertas warna, dadu dan lain-lain sebagai BBM serta pendekatan ini seiring dengan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dalam pengaplikasiannya.

Justeru, terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi para guru di luar negara berkaitan dengan *pedagogical knowledge* yang memainkan peranan besar dalam pelaksanaan pengajaran subjek matematik, (Zafar & Musa, 2019). Lestariningsih, Madya & Nurkamto (2020) menyimpulkan bahawa permasalahan pedagogi dalam proses pengajaran Bahasa Inggeris melibatkan persediaan, pelaksanaan (aktiviti pembelajaran dalam kelas), refleksi, dan ketidakyakinan pelajar untuk bertutur. Hal ini turut disokong bahawa pelajar malu untuk bertutur dan guru tidak boleh memaksa pelajar untuk bertutur serta guru jarang meminta pelajar untuk melakukan sesuatu di hadapan kelas.

Permasalahan turut dihadapi guru-guru di Malaysia seperti kekurangan kemahiran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran. Hal ini menyebabkan kaedah pengajaran yang digunakan tidak sesuai. Berdasarkan kajian, (Razif et al., 2017) pengetahuan pedagogi yang pelbagai dalam kalangan para guru berada pada tahap rendah disebabkan oleh pengalaman lalu yang hanya berfokus kepada guru sahaja. Berdasarkan kajian dari Azman & Goh (2010), permasalahan berlaku dalam proses pengajaran bahasa Perancis iaitu permasalahan para guru dan permasalahan pendekatan pengajaran.

Dengan ini, keperluan kepada kajian terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru subjek LAM penting bagi menambahbaik gaya pengajaran mereka. Di samping itu, kajian ini dapat memberikan idea dan buah fikiran kepada guru subjek LAM khususnya serta guru-guru subjek lain amnya melalui kepelbagaian bentuk pedagogi kontemporari yang diaplikasikan di dalam kelas dan manfaat perkembangan teknologi kini terhadap generasi pelajar kini.

SOROTAN LITERATUR

Pembelajaran yang efektif bergantung kepada pengetahuan pedagogi khusus dan pengaplikasiannya. Bentuk pedagogi yang dipilih perlulah bersesuaian dengan proses PdPc Bahasa Arab dan berpandukan kepada pengetahuan terhadap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK). Selain itu, pedagogi turut memberikan impak terhadap tahap kognitif pelajar-pelajar. teknik pengajaran guru memandu kepada impak yang positif sebagaimana pengajaran guru itu sendiri akan memberikan impak terhadap motivasi pelajar melalui strategi berdasarkan pembentangan pengajaran, keberkesanan dan perancangan dalam penyusunan pembelajaran, (Haafiz et al., 2018). Strategi pengajaran merupakan elemen penting dalam Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan. Sehubungan dengan itu, bidang pendidikan akan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi, maka (Husni et al., 2018) para guru haruslah mengaplikasikan pembelajaran abad ke-21 sebagai salah satu intensif oleh guru-guru.

Terdapat beberapa kajian tentang pendekatan pengajaran yang digunakan oleh para guru dan menunjukkan keberkesanan terhadap pendekatan yang dipilih. Menurut Faezah (2015) bahawa pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dalam PdPc Bahasa Arab merupakan salah sebuah teknik yang berkesan. Suo et al. (2019) menyatakan bahawa pembelajaran kooperatif menggalakkan kepada pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar melalui perbincangan sesama mereka. Tambahan pula, suasana pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dengan mengguna pakai kemudahan-kemudahan baharu seperti pembelajaran berasaskan projek, nasyid dan lain-lain, (Febrian et al., 2017). Dalam kajian Faezah (2015) mendapati bahawa beberapa pendekatan pengajaran yang berkesan dapat diaplikasikan dalam pengajaran Bahasa Arab seperti pelaksanaan pertandingan, permainan bahasa dan drama.

Penggunaan teknologi dalam PdPc Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Mu’asirah dilihat menjadi keperluan bagi meningkatkan kognitif dan tahap kefahaman pelajar terhadap subjek ini. Menurut Wan Ab Aziz et al., (2020), penggunaan telefon mudah alih dalam pengajaran memberikan kesan yang besar terhadap motivasi pelajar melalui kepentingan, kesesuaian dan faktor-faktor motivasi untuk lebih yakin serta menggalakkan pembelajaran sendiri selepas kelas tamat. Selain itu, penggunaan teknologi dalam PdPc Bahasa Arab sebagai sebuah keberkesanan dalam bidang pendidikan. Dapatan kajian Ghani et al., (2022), pengaplikasian pembelajaran berasaskan permainan dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Bentuk teknologi yang digunakan perlulah bersesuaian dengan PdPc subjek Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu’sirah. Penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat rakaman audio atau video, (Ghani et al, 2023; Febrian et al., 2017) perlulah selari dengan pendekatan pengajaran yang diaplikasikan dan pedagogi khusus yang merupakan unsur terpenting dalam meningkatkan keberkesanan kelas yang dijalankan.

Secara keseluruhannya, isu ini perlu diteroka dengan lebih mendalam terutama tahap kepelbagaian pengaplikasian pedagogi kontemporari dalam kalangan guru mata pelajaran

LAM yang merangkumi pendekatan pengajaran dan tahap penggunaan teknologi di dalam kelas. Hal ini akan menjadi satu keperluan dan kepentingan yang dapat menilai tahap pengetahuan guru akan pedagogi kontemporari dan amali di dalam kelas semasa pengajaran subjek Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Mu’asirah..

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Pengumpulan dapatan melalui proses temubual separa berstruktur yang membolehkan pengkaji memberikan soalan tambahan yang berkaitan kepada responden bagi mendapatkan data yang lebih tumpat (ketumpatan data). Populasi bagi kajian ini terdiri daripada guru-guru bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah, daerah Kuala Selangor, Selangor yang mengajar mata pelajaran Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Mu’asirah. Bagi pemilihan responden, kajian ini menggunakan teknik persampelan tidak rawak iaitu persampelan bertujuan. Teknik ini digunakan kerana pengkaji telah menentukan ciri-ciri responden yang diperlukan dan responden dapat memberi maklumat dan data yang diperlukan oleh pengkaji. Oleh itu, seramai 10 orang yang terdiri daripada guru mata pelajaran Al-Lughah Al-‘Arabiyyah Al-Mu’asirah telah menyertai temubual separa berstruktur. Ciri-ciri responden yang diperlukan ialah:

1. Guru bahasa Arab yang mengajar subjek Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu’asirah yang mempunyai pengalaman enam (6) bulan dan lebih.
2. Guru bahasa Arab yang mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan atau Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan atau setara.
3. Peserta mampu memberi komitmen sehingga tamat proses pengumpulan data.
4. Peserta tidak mempunyai sebarang “*special interest*” terhadap mana-mana pemegang taruh.

Instrumen kajian yang digunakan bagi kajian ini ialah protokol temu bual separa struktur. Terdapat empat soalan utama dan soalan akan berkembang berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden. Temubual separa struktur dijalankan menggunakan teknik kumpulan berfokus (*focus group*) dan mengambil masa antara 40-60 minit. Dapatan kajian berbentuk kualitatif ini akan dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas.ti.

DAPATAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, data yang diperoleh akan dianalisis oleh pengkaji secara tematik menggunakan perisian Atlas.ti. Dapatan kajian merangkumi tiga tema utama; 1) bentuk pedagogi, 2) pendekatan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru subjek LAM sepanjang proses PdPc berlangsung dan 3) jenis teknologi beserta contoh-contohnya yang menunjukkan tahap penggunaan teknologi oleh guru bagi pengajaran subjek ini. Bagi bentuk pedagogi mencakupi empat subtema iaitu kaedah pengajaran pedagogi kontemporari, bentuk kemahiran berfikir, jenis pembelajaran kontemporari dan pembelajaran abad ke-21. Tambahan pula, bentuk pendekatan pengajaran, kesesuaian pendekatan pengajaran dengan pengajaran subjek Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu’asirah, kepelbagaian aktiviti pembelajaran berpandukan pendekatan pengajaran yang dipilih guru subjek LAM, dan kemenjadian kelas PdPc LAM yang merupakan empat subtema bagi tema pendekatan pengajaran. Seterusnya, jenis teknologi yang menunjukkan tahap penggunaan teknologi oleh guru yang merangkumi dua subtema iaitu bentuk teknologi beserta contoh-contohnya dan keberkesanan penggunaan teknologi terhadap kelas PdPc LAM.

Tema 1: Bentuk Pedagogi

Pedagogi Kontemporari

Pembelajaran berasaskan projek dapat melatih pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran berfikir kritis serta kreatif. Hal ini dibuktikan melalui respon guru, “...ustazah boleh juga buat mereka kalau pelajar-pelajar ni kan sekolah ustazah ni kan dia ada pelajar asrama dengan pelajar luar, jadi ustazah akan bagi diorang satu task untuk diorang buat pembentangan. (R6S3)”. Jenis pembelajaran ini juga dapat dilaksanakan dalam berbagai bentuk selain daripada pembentangan seperti pementasan teater, kerja lapangan atau pembinaan produk. Selain itu, pembelajaran berasaskan projek dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik dan mewujudkan pembelajaran peeragogi iaitu pembelajaran bersama rakan sebaya. Selain itu, pedagogi kontemporari turut meliputi kemahiran komunikasi bersama rakan sebaya dan menekankan nilai kerjasama antara satu sama lain serta ianya dijalankan dalam bentuk berkumpulan. Peranan guru sebagai pemudahcara akan aktiviti pembelajaran yang dijalankan sepertimana yang dikatakan oleh guru, “*sekaligus pengaplikasian pembelajaran kooperatif bagi menyelesaikan soalan yang diberikan. (R10S3)*”. Justeru, guru-guru yang mengajar subjek LAM turut mengaplikasikan konsep pembelajaran teradun atau dipanggil sebagai *blended learning* semasa proses pengajaran berlangsung walaupun hanya menggunakan radio sebagai alat bantu mengajar berdasarkan respon guru, “*Kalau tengok pada latar belakang contohnya dulu masa PdPc; latar belakang dan kehendak ketika tu menggunakan ICT, jadi ustazah guna slaid, guna bahan-bahan yang ustazah buat macam buat video, buat rakaman suara (R6S3)*”. Dengan ini, penggunaan teknologi membolehkan para guru dan pelajar-pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan perkembangan teknologi semasa serta pelajar lebih bersemangat untuk mempelajari Bahasa Arab, maka motivasi pelajar bergerak seiring dengan proses pembelajaran mereka. Pembelajaran terbeza pula termasuk juga dalam pedagogi kontemporari. Pembelajaran terbeza atau *differentiated learning* bersesuaian untuk diaplikasikan guru berdasarkan keperluan pembelajaran pelajar. Guru subjek berkata, “*Memberi tugas individu yang sesuai dengan tahap murid. Tugas individu ini berbeza dari segi kuantiti dan kualiti mengikut kebolehan dan keperluan murid (R1S3)*”.

Bentuk Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir aras tinggi merupakan kemahiran yang perlu dikuasai pelajar dalam membina suasana pembelajaran abad ke-21 dan membentuk suasana pembelajaran yang aktif melalui pelaksanaan berbagai bentuk projek yang ditugaskan kepada pelajar. Guru yang mengajar menyatakan, “*Apabila murid diberikan tugas mengikut tahap kesukaran tertentu, maka setiap tahap itu menjadi tahap jangkaannya (R1S3)*”. Kemahiran berfikir aras tinggi membantu para pelajar untuk berfikir lain daripada lain bagi menyelesaikan suatu permasalahan dalam pembelajaran berasaskan projek (*Project Based Learning*) dan menyediakan ruang antara rakan sebaya untuk berkongsi pendapat antara satu sama lain serta mampu untuk membina sebuah produk inovasi. Guru ini turut berkata, “*Apabila murid memberi respon, dia akan ditunjukkan dengan jawapan yang betul yang memberi penegasan kepada tindakan murid tersebut (R1S3)*”. Pernyataan ini merupakan sokongan akan penguasaan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) yang mampu menggalakkan pelajar lebih berkemampuan mengaplikasikan logik akal dalam perbincangan suatu topik yang dipelajari.

Jenis Pembelajaran Kontemporari

Pembelajaran kontemporari merupakan salah satu strategi pendidik dalam merealisasikan pedagogi kontemporari yang memfokuskan pengajaran berpusatkan pelajar. Walhal, pembelajaran kontemporari terbahagi kepada tiga iaitu heautagogi, peeragogi dan sibergogi. Pembelajaran heautagogi merupakan bentuk pembelajaran sendiri atau dipanggil sebagai 'self-learning' dan ianya dapat membantu untuk penilaian tahap penguasaan pelajar mahupun pemahaman akan suatu topik secara individu melalui latihan yang diberikan serta mempertingkatkan perkembangan kognitif pelajar. Guru ada menyebut, "*Contoh heutagogi; Ustazah berikan pelajar latihan qawaid yg berbeza soalan bagi setiap pelajar, depa kena jawab dan bentang jawapan masing2 di hadapan kelas, kena jawab kenapa dia jawab seperti itu dan setiap orang 3 soalan dan soalan tak sama untuk setiap pelajar (R3S3)*". Tambahan pula, guru lain turut menyatakan, "*Peeragogi tu tugasan dalam bentuk kumpulan...dan bentang bersama2. (R3S3)*". Manakala, bentuk pembelajaran kedua yang menyokong pedagogi kontemporari adalah peeragogi sekaligus menggalakkan pembelajaran kooperatif melalui penyertaan pelajar serta dapat membina kognitif pelajar. Akhir sekali, sibergogi merupakan salah satu pembelajaran kontemporari yang membentuk pelajar untuk lebih berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada guru dalam proses pembelajaran, "*Sibergogi tu macam Google meet. Bila ada kelainan...adalah perbezaan...tapi sibergogi kurang dah sebab dah takde pkp...klau ada pun...sikit sangat...klau ustazah lama tak dapat masuk...sebab pentaksiran spm ke... barulah ustazah guna google meetitupun klau pelajar asrama balik klau tak takdelah.'* (R3S3)".

Pembelajaran abad ke-21

Pembelajaran abad ke-21 merupakan salah satu bentuk pedagogi kontemporari yang banyak diaplikasikan guru-guru di seluruh dunia, khususnya guru-guru yang mengajar subjek Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah. Bentuk pembelajaran merangkumi elemen yang pelbagai bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran dari segi pelaksanaannya seperti kedudukan meja pelajar di dalam kelas mahupun aktiviti pembelajaran yang ingin dijalankan. Guru membuktikan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 melalui pernyataan, "*Untuk tambahan saya juga sangat baik kedudukan di dalam kelas tu terus diaturkan secara berkumpulan (R5S3)*". Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran abad ke-21 menggalakkan pembelajaran kooperatif dan pembelajaran kontemporari peeragogi iaitu sesama rakan sebaya.

Tema 2: Pendekatan Pengajaran

Bentuk Pendekatan Pengajaran

Pedagogi kontemporari menengahkan aplikasi pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar sekaligus membina pembelajaran abad ke-21. Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar ini menyediakan ruang pelajar sebagai penggerak dalam pemerolehan ilmu dan pelaksanaan jenis pembelajaran kontemporari. Sepertimana yang disebutkan oleh guru, "*Pelajar membuat aktiviti secara berkumpulan, pelajar mencari maksud terjemahan teks dlm bahasa melayu, pelajar membina ayat berdasarkan qawalib secara berpasangan ataupun pelajar membaca teks secara berulang2 untuk menguasai kemahiran membaca (R10S1)*". Maka, pelajar akan lebih aktif dan bersemangat untuk menyertai setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran subjek Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah serta ianya disokong oleh kenyataan responden tentang, "*pelajar ni bergiat lebih aktif di dalam kelas. Mereka sangat menyukailah guru-guru ini melaksanakan aktiviti kepada mereka*

(R5S2)”. Pendekatan pengajaran yang diaplikasikan guru subjek LAM adalah berpusatkan bahan dan ianya diguna pakai bersama dengan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar. Guru berkata, *“Juga berpusatkan baha, saya juga ada laksanakan yang mana saya menggunakan bahan seperti sehelai kertas A5 atau A4 pun boleh. Yang mana A4 tersebut, mereka akan buat satu bentuk; mereka punya lambang sendiri. Di papan putih telah disediakan satu permainan dam ular. Dam ular ini saya letakkan, di situlah kita tahu ada tangga, ada ularnya. Kemudian, ada tanda-tanda soalnya untuk diajukan soalan (R5S1)”*.

Kesesuaian Pendekatan Pengajaran dengan Pengajaran Subjek

Pendekatan pengajaran kontemporari yang dipilih hendaklah bersesuaian dengan pengajaran kemahiran bahasa seperti kemahiran bertutur, tatabahasa Arab mahupun *mutola’ah*. Guru ada menyatakan bahawa, *“Pendekatan ini bersesuaian mengikut kepada pembahagian guru tersebut seperti maharat kitabah lebih kepada pendekatan pengajaran berpusatkan bahan; bermain permainan. Ianya sangat memberikan kesan yang positif dalam PdPc LAM terutamanya pengajaran qawa’id sebab pelajar lebih seronok dalam pendekatan yang berbeza setiap masa dan lebih memahami (R7S2)”*. Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar turut aktif dilaksanakan bagi pengajaran kemahiran bahasa kerana ianya memberikan ruang kepada pelajar untuk menonjolkan diri dan bakat mereka. Guru lain berkata, *“Ianya lebih bersesuaian utk pengajaran kemahiran Bahasa Arab. Contohnya, pengajaran kemahiran bertutur melibatkan aktiviti berkumpulan seperti lakonan (R9S2)”*.

Kepelbagaian Aktiviti Pembelajaran Berpandukan Pendekatan Pengajaran yang Dipilih

Guru yang mengaplikasikan pendekatan pengajaran kontemporari iaitu berpusatkan pelajar dan juga bahan, maka guru dapat melaksanakan aktiviti yang berbagai bentuk dan mencabar minda. Guru yang mengajar berkata bahawa, *“saya lebih tumpukan kepada perbualan di dalam kelas, pelajar akan sebut sama-sama, guru akan sebut kemudian pelajar ikut. Tu pendekatan yang saya gunakanlah untuk kemahiran (R5S2)”*. Dengan ini, para guru mampu menerima respon yang baik daripada pelajar sekaligus cadangan penambahbaikan untuk pelaksanaan PdPc LAM pada masa akan datang sepertimana yang dinyatakan oleh guru, *“Ya, memberi respon bg soalan dalm bola beracun (R8S2)”*. Selain itu, guru juga mampu menjalankan aktiviti pembelajaran berasaskan pembelajaran abad ke-21 dan melaksanakan aktiviti yang akan menilai kemampuan sendiri mahupun berkumpulan serta dapat mengkomersialkan hasil lakonan pelajar supaya dapat menambah baik dalam aktiviti akan datang. Guru lain berkata, *“Contohnya, pengajaran kemahiran bertutur melibatkan aktiviti berkumpulan seperti lakonan (R9S2)”*.

Peranan Guru

Bagi pengaplikasian pendekatan pengajaran kontemporari ini, guru bukanlah dijadikan sebagai tempat untuk pelajar bergantung sepenuhnya bagi pemerolehan ilmu yang hanya berdiri di hadapan kelas dan mengajar sahaja, bahkan sebagai pemudahcara ataupun moderator. Guru ada menyatakan, *“Sambil-sambil juga mereka akan berbincang di antara satu sama lain bagaimanakah perubahan-perubahan ayat tersebut. Lepas mereka dah mencari jawapan, barulah akan mengadakan perbincangan bersama dengan guru di dalam kelas (R5S1)”* dan guru lain turut berpendapat, *“cuma guru hanya jadi moderator (R3S1)”*. Guru lain turut menyokong bahawa peranan guru sebagai pemantau dan penambahbaik akan setiap hasil daripada aktiviti pembelajaran, *“Selepas ustazah dengar, pelajar tu terangkan, bagi contoh lain tentang qawa’id yang dah diajar barulah ustazah betul-betul boleh buat penilaian mereka*

sama ada mereka faham betul-betul atau tidak (R6S1) ” mahupun, “Tetapi memerlukan kepada pemantauan sentiasa (R1S2) ”.

Tema 3: Jenis Teknologi

Bentuk teknologi Beserta contoh

Penggunaan teknologi maklumat (multimedia) dapat mewujudkan pembelajaran terbalik *'flipped classroom'* melalui persediaan buat pelajar-pelajar untuk belajar secara sendiri sebelum masuk ke dalam kelas sekaligus mewujudkan *'blended learning'*. Guru ada menyebut bahawa, *“sebelum ke kelas kemahiran mendengar & menganalisa seperti menonton video hiwar, mendengar tanpa menonton (R1S4) ”.* Hal ini turut disokong melalui respon guru lain, *“Teknologi yang digunakan bagi pengajaran LAM adalah teknologi semasa seperti penggunaan lagu atau video (R9S4) ”.* Penggunaan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat menjadikan pelajar lebih aktif untuk menyertai aktiviti yang dijalankan serta bersesuaian dengan perkembangan generasi kini. Selain itu, guru juga menggunakan teknologi berasaskan internet seperti kohort bagi pembahagian kumpulan. Guru berkata, *“Untuk teknologi kita ada guna kohort berpusatkan kohort.... Kohort ni yang sape yang jawab awal and betul, maka dia yang dapat markah. Ada dalam aplikasi google (R4S4) ”.* Dengan ini, guru tidak lagi bergantung akan pembahagian kumpulan seperti kebiasaan dan guru lain juga menyokong bahawa banyak aplikasi yang bersesuaian digunakan sebagai BBM dalam pengajaran subjek LAM, *“Banyak jenis teknologi yang boleh disuaikan dengan pengajaran LAM seperti penggunaan Internet (laman web, kahoot, quiziz dll) (R3S4) ”.* Ianya juga sesuai digunakan sebagai set induksi dengan menggunakan video daripada youtube dan permainan ringkasi, melalui pembuktian respon guru-guru, *“Yang mana saya laksanakan Game Kahoot di dalam kelas, aktiviti Kahoot (R5S4) ” dan, “Jadi bila kaitkan dengan teknologi ataupun bagi diorang link Youtube(R6S4) ”.*

Keberkesanan Penggunaan Teknologi terhadap kelas PdPc LAM

Jelaslah bahawa penggunaan teknologi bagi pengajaran subjek LAM ini sememangnya dapat menarik perhatian dan minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab seperti yang dikatakan guru, *“Kelas ICT Bahasa arab memang tidak dapat dinafikan salah satu media perantaraan berperanan besar menarik minat pelajar untuk penguasaan serta memantapkan penggunaan Bahasa arab secara praktikal dan realitinya (R1S4) ”.* Guru lain juga ada menyebut, *“Kalau kita guna slaid atau powerpoint lebih menarik minat dan perhatian pelajar (R7S4) ”.* Justeru, pelajar menjadi lebih bersemangat kerana guru menggunakan barang tumpuan utama mereka dalam proses pengajaran subjek LAM seperti yang dikatakan guru, *“diorang lagi excited. Mungkin diorang nak tunjuk diorang punya skill, pelajar sekarang kan dia suka teknologi, suka benda-benda teknologi, suka benda-benda yang advance (R6S4) ”.* Guru bukan sahaja dapat membentuk suasana pembelajaran yang efektif, bahkan mencungkil bakat dan kemahiran pelajar akan teknologi kerana perkembangan teknologi bergerak seiring dengan tahap tumbesaran pelajar. Guru lain memberikan respon bahawa, *“pelajar-pelajar ni lagi nampak berminat untuk tunjuk kemahiran mereka tapi berkaitan dengan tajuklah (R6S4) ” dan disokong oleh, “menjadikan pengajaran lebih berkesan kepada pelajar yang menjadikan mereka lebih memahami subjek LAM (R9S4) ”.*

PERBINCANGAN

Bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran ke arah pembelajaran abad ke-21, pengaplikasian bentuk mahupun jenis pedagogi kontemporari haruslah digiatkan khususnya dalam pengajaran subjek Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah. Hal ini adalah untuk melazimi pedagogi kontemporari dalam proses PdPc oleh guru-guru dan bukanlah untuk menafikan kerelevanan pedagogi tradisional pada masa kini. Pedagogi ini merangkumi pendekatan, kaedah, strategi pengajaran dan ianya haruslah disesuaikan berdasarkan tahap perkembangan pelajar. Maka, kemenjadian teori pedagogi yang dipilih melalui praktikal guru dalam proses pengajaran subjek LAM itu sendiri.

Bentuk pedagogi kontemporari yang giat diaplikasikan guru subjek LAM dari segi jenis pedagogi kontemporari seperti *Flipped Classroom*, pembelajaran terbeza mahupun pembelajaran teradun, jenis pembelajaran dan kemenjadiannya dalam kelas PdPC LAM. Antara bentuk pedagogi kontemporari yang efektif adalah pembelajaran teradun. Menurut AlAsraj & Alharbi (2014), pembelajaran teradun (*blended learning*) memfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar seperti pembelajaran sendiri, pembelajaran kooperatif, dan forum. Salah satu daripada bentuk pedagogi kontemporari seperti heautagogi iaitu pembelajaran sendiri. Di samping itu, bentuk pedagogi pembelajaran ini berupaya untuk memperkembangkan kemahiran, motivasi, malah menjadi galakan kepada pelajar untuk belajar secara sendiri, (Ying et al., 2020; Wan Ab Aziz et al., 2020). Selain itu, pedagogi kontemporari menjadi kelaziman praktikal guru dalam pengajaran subjek ini adalah pembelajaran kooperatif. Menurut Zurqoni et al., (2020), bentuk pembelajaran ini patutlah dipraktikkan dalam aktiviti berkumpulan sekaligus membentuk para pelajar yang berkeyakinan.

Manakala, isu kedua yang menjadi pemfokusan pengkaji adalah pendekatan pengajaran yang digunakan guru subjek LAM sepanjang PdPc berlangsung. Wan Ab Aziz dan Mohammad Taufiq (2019) menyatakan bahawa pembelajaran terbeza juga menerapkan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar, malah ianya akan menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung sekaligus meningkatkan keupayaan pelajar terhadap penggunaan teknologi. Seterusnya teknik pengajaran guru memandu kepada impak yang positif sebagaimana pengajaran guru itu sendiri akan memberikan impak terhadap motivasi pelajar melalui strategi berdasarkan pembentangan, keberkesanan dan perancangan dalam penyusunan pembelajaran itu sendiri, (Haafiz et al., 2018). Menurut Ghani et al., (2022), pembelajaran berasaskan permainan akan menyediakan ruang lingkup pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan pembelajaran interaktif menggunakan teknologi oleh guru. Para guru lebih memfokuskan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar kerana dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk sentiasa terhadapan dan ianya seiring dengan pengaplikasian pendekatan pengajaran berpusatkan bahan yang juga banyak digunakan guru subjek ini.

Berdasarkan kajian Wan Ab Aziz et al., (2020), penggunaan telefon mudah alih dalam pengajaran memberikan kesan yang besar terhadap motivasi pelajar melalui kepentingan, kesesuaian dan faktor-faktor motivasi untuk lebih yakin. Para guru pasti menggunakan alat teknologi dalam setiap kelas PdPc LAM sekurang-kurangnya telefon. Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa tahap penggunaan teknologi dalam kalangan guru-guru LAM semasa kelas berlangsung berada pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada jenis teknologi yang bersesuaian. Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran subjek LAM dapat mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pemudahcaraan subjek ini. tambahan pula, beberapa jenis teknologi berasaskan internet yang digunakan seperti *Kahoot* dan teknologi tidak berasaskan

internet seperti contoh *flashcard*. Berbagai jenis teknologi yang diaplikasikan guru subjek LAM sekaligus membolehkan pengkaji menganalisis tahap penggunaan teknologi di dalam kelas oleh guru-guru.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kepelbagaian pendekatan pengajaran kontemporari yang diaplikasikan guru di dalam kelas LAM. Hal ini menunjukkan bahawa guru tidak terlalu bergantung kepada pedagogi tradisional secara keseluruhannya, malah menggabungkan dengan pedagogi kontemporari sebanyak dua atau tiga sepanjang tempoh pengajaran subjek pengajaran subjek ini berlangsung. Pedagogi tradisional bukanlah tidak relevan pada masa kini, namun ianya perlulah digabungkan dengan pedagogi kontemporari yang lebih menarik agar para pelajar sentiasa bersemangat untuk mempelajari Bahasa Arab dan mampu menjadi guru muda kepada rakan sebayanya. Hal ini juga bertujuan untuk membina suasana pembelajaran abad ke-21 dan diharapkan dapat menambahbaik teknik pengajaran dari semasa ke semasa. Bagi penyelidikan akan datang, pengkaji mengesyorkan kajian kuantitatif dijalankan bagi memastikan tahap pelaksanaan pedagogi terkini dalam mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih sebagai penghargaan kepada semua individu yang terlibat dalam kajian ini terutama para pentadbir dan guru SAM Jeram.

RUJUKAN

- Abdullah, H., Zaini, A. R., Ab Latif, K. A., Ihsan, H., Ku Azizan, K. F., Wan Ngah, W. S., & Mansor, N. (Ogos, 2018). Pendidikan Abad ke-21 dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia: Amalan dan Cabaran. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018).
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3, 136-147.
- Ghani, M. T. A., Hamzah, M., Wan Daud, W. A., & Muhamad Romli, T. R. (2022). The Impact Of Mobile Digital Game In Learning Arabic Language At Tertiary Level. *Contemporary Educational Technology*, 14(1), ep344.
- Ghani, M. T. A., & Wan Daud, W. A. (2023). The Impact Of Digital Game-Based Learning Towards Arabic Language Communication. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 407-424. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-23>
- Ghani, M. T. A., Wan Daud, W. A. & Manan, K. A. Integration of the ARCS Motivational Model in Digital Game-based Learning for Sustaining Student Engagement in Communication. (2024). *International Journal of Religion*, 5(5), 85-93. <https://doi.org/10.61707/sa9ded72>
- Alasraj, A., & Alharbi, H. (2014). The Effectiveness of Blended Learning in Teaching Arabic as a Second Language. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 1, 13-17.
- Ameliana, Ive. (2017). Teacher-Centered Or Student-Centered Learning Approach To Promote Learning?. *Jurnal Sosial Humaniora*. 10. 59. 10.12962/j24433527.v10i2.2161.

- Azmi, K., & Salleh, N. H. (Januari, 2013). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. Conference: 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013]).
- Febrian, D., Lubis, M. A., Md Yasim, I. M., & Abdul Wahab, N. S. (2017). Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1, 78-93.
- Lestariningsih, F. E., Madya, S., & NurKamto, J. (2020). Pedagogical problems encountered by teachers of English to Computer Science students in the Indonesian context. *Journal of English Education, Literature, and Culture*, 5, 1-13.
- Mat, A. C., & Soon, G. Y. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing Di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin Dan Bahasa Perancis. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 9-21.
- Suo, Y. M., Zarima, M. Z. Ju, S. Y., & Ibrahim, M. (2019). The Perception of Lecturers in Malaysia toward Implementation of Cooperative Learning Method to Teach Arabic. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8.
- Mohd Hamidin, N. F. (2015). Effective Technique of Teaching and Learning Arabic Language in the Classroom: A Case Study in Selected National Religious Secondary Schools (SMKA) In Selangor. *THE International Conference On Language, Literature, Culture And Education*, 113-118.
- Mohd Hamidin, N. F. (2015). The Teaching and Learning Strategies Used In Classroom: A Case Study in National Religious Secondary Schools (SMKA) in Selangor, Malaysia. *The International Conference On Language, Literature, Culture And Education*, 75-83.
- Mondal, M., & Roy, S. C. (2021). Contemporary Techniques Of Teaching In Education. *International Journal of Creative Research Thoughts (IJCRT)*, 9, 4609-4613.
- Wan Daud, W. A., & Abdul Ghani, M. T. (2019). Factors Affecting Arabic Learners' Interest Towards Blended Learning: Further Evidence in University Malaysia Kelantan. *Asian Journal of Social Science Research*, 2.
- Wan Ab Aziz, W. D., Wong, K. T., Mohammad Taufiq, A. G. & Saipolbarin, R. (2020). M-Learning Boost Students Motivation in Learning Arabic Language Proficiency for Elementary Level. *Universal Journal of Educational Research*, 8, 4384-4392.
- Retnawati, H., Rahmatullah, S., Djidu, H., & Apino, E. (2020). Has Arabic Language Learning Been Successfully Implemented? *International Journal of Instruction*, 13, 715-730.
- Zaidi, Z. I., & Ali, M. M. (2019). Pedagogical Issues of Mathematic Education. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research (JETIR)*, 6, 501-505.
- Ying, K. J., Mei, S. Y., & Ramli, S. (2020). The relationship between students' need and Arabic course for business purpose at Yinchuan University of China. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 1(1), 157-165.